

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS, TAHUN 2017**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

SOALAN : 258

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilangan kes "*phone tapping*", permohonan maklumat peribadi dari ISP dan elektronik *tagging* mengikut pecahan tahun.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Untuk makluman, Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) yang bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial. Sepanjang penguatkuasaan Akta 709 dari tahun 2015 hingga Februari 2017, tiada kes dan aduan mengenai *phone tapping* direkodkan di bawah JPDP.